

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 MAC 2014 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	JMM tumpu pembenihan awan kering	Berita Harian
2.	Jabatan Meteorologi terus bantu pasukan penyelamat MH370	BERNAMA
3.	202 sekolah diarah terus tutup	Utusan Malaysia
4.	Cloud seeding op to resume today, says dept	The Star
5.	'Tak cadang isytihar darurat akibat jerebu'	Berita Harian
6.	Tiada awan sesuai untuk pembenihan	Harian Metro
7.	Belum tahap darurat	Harian Metro
8.	Tujuh hari proses pembenihan awam	Harian Metro

JMM tumpu pembenihan awan kering

Kuala Lumpur: Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) akan menumpukan operasi pembenihan awan kering di kawasan yang paling terjejas teruk akibat jerebu, mulai Selasa ini.

Operasi itu perlu dijalankan berhampiran kawasan tadahan air dan kawasan yang terbabit, antaranya Petaling Jaya, Sepang, Pelabuhan Klang dan Kuala Lumpur.

Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan JMM, Azhar Ishak, berkata pihaknya akan menumpukan lokasi operasi di kawasan lebih kecil berikutan kawasan yang paling terjejas jerebu perlu diutamakan, selain semua pesawat Hercules C-130 digunakan untuk ope-


rasi misi mencari dan menyelamatkan (SAR) pesawat MH370 yang hilang pada 8 Mac lalu.

Guna kaedah higroskopik
"Kita akan lakukan operasi pembenihan kering kali ini menggunakan kaedah higroskopik membabitkan penyebaran garam kering melalui letupan kecil dan menggunakan pesawat ringan Cessna di bawah tapak awan dengan ketinggian 2,000 hingga 5,000 kaki dari aras laut.

"Kandungan garam kering ini adalah 67 peratus (%) natrium klorida, 21 % garam kalium klorida dan selebihnya magnesium oksida," katanya ketika dihubu-

INFO

Pergerakan angin dan titik panas jerebu



Sumber: Laman web Jabatan Alam Sekitar

ngi, di sini, semalam.

Sementara itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) menerusi Pusat Meteorologi Khas Ase-

an (ASMC) mengesan sembilan titik panas di Malaysia dan 43 di Sumatera, Indonesia, setakat semalam.



Jabatan Meteorologi Terus Bantu Pasukan Penyelamat MH370

TAWAU, 15 Mac (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi Malaysia** secara berterusan memberi maklumat kepada pasukan mencari pesawat MH370 yang hilang sejak Sabtu lepas, mengenai keadaan cuaca semasa.

Ketua Pengarahnya Datuk Che Gayah Ismail berkata adalah menjadi tanggungjawab jabatan itu untuk memberi maklumat mengenai ramalan cuaca seperti keadaan angin dan laut bagi membantu pasukan mencari.

"Bantuan maklumat yang diberi adalah mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang betul," katanya kepada pemberita selepas program Pelancaran Kempen Kesedaran Awam Mengenai Gempa Bumi, Tsunami Dan Cuaca Ekstrem, serta Pelancaran Talian 1MET, di sini Sabtu.

Sementara itu, **Menteri Sains Teknologi Dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin** yang turut hadir merasmikan program itu berkata kempen itu bertujuan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat di negara ini khususnya di daerah ini mengenai bencana alam dan tindakan yang perlu dilakukan semasa menghadapi situasi bencana berkenaan.

"Program ini juga dapat mendidik masyarakat khususnya komuniti di kawasan berisiko diancam bahaya gempa bumi dan tsunami serta pemahaman risiko dan keupayaan bertindak wajar dalam ruang masa yang mencukupi," katanya.

Dalam pada itu, Ewin berkata pihaknya bercadang menambah Sistem Amaran Awal Tsunami National Malaysia (SAATNM) di Sabah pada tahun ini.

Katanya penambahan itu melibatkan perluasan enam rangkaian stesen seismik termasuk di Kota Belud, Ranau dan siren tsunami sebanyak sembilan antaranya di Semporna, Ranau dan Tambunan.

"Rangkaian sistem seismik perlu diperluaskan di negeri ini bagi mempertingkatkan keupayaan pengesanan kejadian gempa bumi dan ancaman tsunami. Pada tahun lepas sebanyak 37 kejadian gempa bumi tempatan direkodkan, lima daripadanya gempa bumi yang dirasai penduduk tempatan," katanya.

Jabatan Meteorologi membangunkan SAATNM pada tahun 2005 yang berupaya mengeluarkan amaran awal Tsunami secara efektif kepada penduduk di kawasan pantai.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 9
TARIKH: 15 MAC 2014 (SABTU)



SEORANG penunggang motosikal memakai topeng penutup mulut dan hidung berlatar belakang jerebu di Banting, Selangor, semalam. - BERNAMA



SEORANG pelajar sekolah memakai topeng penutup mulut dan hidung ekoran keadaan jerebu di Kajang, Selangor, semalam. - UTUSAN/ FAUZI BAHARUDIN

Catat bacaan IPU lebih 200 di daerah Klang, Kuala Langat

202 sekolah diarah terus ditutup

Oleh ZULKIFLI SAINUDDIN
pengarang@utusan.com.my

SHAH ALAM 14 Mac - Kesemua 202 buah sekolah di daerah Klang dan Kuala Langat akan terus ditutup sekiranya bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) semasa masih melebihi 200.

Pengarah Pendidikan negeri, Datuk Mahmud Karim berkata, setakat ini, sebanyak 131 sekolah di Klang dan 71 lagi di Kuala Langat telah

diarahkan tutup bermula hari ini ekoran bacaan IPU melebihi 300 iaitu tahap bahaya.

"Kami sentiasa memantau kadar bacaan IPU dan mana-mana daerah yang masih menunjukkan bacaan melebihi 200 iaitu kategori sangat tidak sihat akan diarah tutup serta-merta.

"Sekolah yang menunjukkan pelajar mengalami masalah mata berair dan merah kesan daripada jerebu juga akan dibenarkan tutup jika pengetua dan guru besar menyaran-

kannya meskipun daerah tersebut tidak menunjukkan bacaan IPU melebihi 200," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Mahmud berkata, jabatan pendidikan negeri sentiasa berhubung rapat dengan pejabat pendidikan di setiap daerah selain memantau bacaan IPU yang disiarkan oleh Jabatan Meteorologi.

Sehingga pukul 6 petang ini, bacaan IPU di Pelabuhan Klang menunjukkan angka 314 iaitu masih di

paras berbahaya manakala di Banting pula bacaan IPU turun kepada 221 iaitu sangat tidak sihat.

Shah Alam, Petaling Jaya dan Kuala Selangor pula masing-masing mencatatkan bacaan IPU antara 119 hingga 174 iaitu kategori tidak sihat.

Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa kawasan sekitar Pelabuhan Klang mendapati kegiatan harian masih berjalan seperti biasa walaupun bacaan IPU berada pada zon merah iaitu tahap

bahaya.

Orang ramai dilihat tidak menghiraukan ancaman kesihatan dengan kebanyakannya daripada mereka masih meneruskan aktiviti di luar tanpa memakai alat penutup mulut dan hidung.

Di sekitar Shah Alam pula, beberapa bangunan tinggi yang selama ini dapat dilihat dengan mudah seakan ditenggelami 'kabus' apabila ia sukar dilihat pada jarak kurang 50 meter.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 02
TARIKH: 15 MAC 2014 (SABTU)

Cloud seeding op to resume today, says dept Hercules plane recalled from search and rescue duty

By ISABELLE LAI

isabellelai@thestar.com.my

PETALING JAYA: The National Security Council has recalled a Hercules plane from the MH370 search and rescue operations for cloud seeding duty which is expected to resume today.

This comes in the wake of mounting public alarm over depleting water levels in dams as well as the current dry weather and open burning cases that are contributing to the choking haze over parts of the country.

The Meteorological Department's atmospheric science and cloud seeding division director Azhar Ishak said the operation would kick off at around 2.30pm today, add-

ing that it was targeted at clouds over water catchment areas and places with severe haze.

The operation, he said, would be carried out with the cooperation of the Royal Malaysian Air Force, with the C-130 flown by Squadron 20 from its Subang base.

"We have identified favourable cloud conditions. We hope to induce rainfall over water catchment areas in Selangor as well as areas such as Port Klang, Putrajaya and Sepang which are experiencing severe haze," he told *The Star* here yesterday.

He had earlier said that the cloud seeding exercise had to be postponed as the RMAF's C-130s were being deployed to help in the search and rescue of the missing Malaysia

Airlines MH370 plane.

Should conditions remain good today, Azhar said the cloud seeding operation might also be carried out in Negri Sembilan, Malacca and Johor.

He said from Tuesday or Wednesday onwards, the department would conduct cloud seeding using a private aircraft that it had contracted.

The aircraft, a six-seater Cessna, had been modified for the operation and was currently undergoing repairs, said Azhar.

"We will continue cloud seeding until heavy rainfall starts in the inter-monsoon period," he said. "This is expected to begin from the end of March to May."

Azhar said cloud seeding would be carried

out in as many states as the department could reach, especially over areas affected by severe haze.

His officers, he added, would constantly refer to the department's satellite images to locate suitable rain clouds for the operation. "We will be doing wet seeding with the C-130 and dry seeding with the Cessna," he said.

Wet seeding involves spraying a salt solution at the base of identified clouds while dry seeding is done using hygroscopic flares, fixed onto an aircraft's wings, that will disperse salt particles into the clouds when lit.

Cloud seeding is expected to be able to induce rainfall within 15 minutes to half an hour after the exercise.

'Tak cadang isytihar darurat akibat jerebu'

Kajang: Kerajaan belum bercadang mengisytiharkan darurat susulan jerebu yang melanda beberapa kawasan di negara ini yang menyebabkan sekolah di beberapa daerah di Selangor terpaksa ditutup, semalam.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G Palanivel, berkata keadaan kawasan dilanda jerebu, iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Kuala Lumpur dan Putrajaya, masih terkawal serta belum mencapai tahap kecemasan atau bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 500.

"Kita jangka cuaca pulih dalam seminggu dua lagi berdasarkan ramalan hujan oleh **Jabatan Meteorologi**. Jadi, kita tidak bercadang melakukan pembenihan awan," katanya sambil menambah Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan mengedarkan 13,000 alat perlindungan pernafasan kepada sekolah yang terjejas akibat jerebu.

Sementara itu, hanya Pelabuhan Klang mencatatkan IPU berbahaya iaitu 317, manakala Banting pada tahap sangat tidak sihat, iaitu 226 setakat jam 5 petang semalam.

Sebanyak 12 kawasan lain mencatatkan IPU tidak sihat, iaitu Bandaraya Melaka 113, Bukit Rambai (120), Nilai (138), Port Dickson (146), Seremban (130), Tanjung Malim (110), Kuala Selangor (119), Petaling Jaya (174), Shah Alam (162), Batu Muda (149), Cheras (126) dan Putrajaya (140).

Tiada awan sesuai untuk pembenihan

Shah Alam: Proses pembenihan awan di negeri ini belum dapat dilakukan memandangkan ketiadaan awan yang sesuai terutama di kawasan tadahan hujan.

Pengerusi Jawatankuasa (Exco) Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar Selangor Elizabeth Wong berkata, kerajaan negeri kini masih menunggu maklum balas daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) sekiranya terdapat awan yang sesuai untuk proses pembenihan dijalankan.

Beliau berkata, setakat ini JMM memaklumkan kawasan Pantai Barat Selangor tidak mempunyai awan yang sesuai, sekali gus menyebabkan proses pembenihan awan terpaksa ditangguhkan.

“Kerajaan negeri sememangnya bekerjasama rapat dengan JMM untuk mencari kedudukan awan yang sesuai untuk proses pembenihan. Namun, setakat ini (kedudukan awan yang sesuai) belum diperoleh.

“Bagaimanapun, JMM menyatakan hari ini (semalam) dan esok (hari ini), hujan dijangka turun di beberapa kawasan di negeri ini. Kita harapkan ia akan berlaku,” katanya dalam sidang media selepas menghadiri perasmian Malaysia Women Marathon (MWM) 2014, di sini, semalam.

Sementara itu, beberapa daerah di negeri ini antaranya Pelabuhan Klang dan Banting mengalami jerebu teruk apabila Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang dicatatkan sehingga jam 4 petang di kawasan berkenaan masing-masing 317 dan 232.

Ini ditambah pula dengan keadaan cuaca panas dan kering sekali gus menyebabkan sekolah di Pelabuhan Klang diarahkan tutup kerana IPU mencecah paras berbahaya.

JEREBU LANDA SEMENANJUNG Belum tahap darurat

Oleh Yusliza Yakimir Abd Talib
yusliza@mediaprima.com.my
Kajang

Kerajaan belum bercadang mengisytiharkan darurat bencana jerebu memandangkan kawasan terjejas belum mencapai tahap Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 500 iaitu tahap kecemasan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G Palanivel berkata, setakat ini lima negeri yang dilanda jerebu iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya masih terkawal.

Beliau berkata, keadaan itu juga dijangka pulih dalam tempoh seminggu hingga dua minggu lagi berikutan ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) hujan dalam tempoh terdekat.

"Justeru, pada masa ini kita tidak bercadang melakukan proses pembenihan awan kerana dalam tempoh terdekat hujan dijangka turun.

"Bagaimanapun, kita akan sentiasa memantau keadaan jerebu di kawasan terjejas dan

berbincang bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOS-TI) jika memerlukan pembenihan awan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Palanivel berkata, sehingga 5 petang semalam hanya satu kawasan mencatatkan bacaan IPU berbahaya iaitu di Pelabuhan Klang, Selangor (317) manakala di Banting menunjukkan bacaan IPU sangat tidak sihat (226).

Katanya, 12 kawasan menunjuk-



FAKTA
Lima negeri
di Semenanjung
mengalami jerebu
masih terkawal

kan bacaan IPU tidak sihat antaranya di Bandaraya Melaka dan Bukit Rambai, Melaka masing-masing 113 dan 120.

Manakala di Negeri Sembilan, Nilai mencatatkan bacaan IPU 138, Port Dickson (146) dan Seremban (130).

Kawasan lain, Tanjung Malim (110), Kuala Selangor (119), Petaling Jaya (174), Shah Alam (162), Batu Muda (149), Cheras (126) dan Putrajaya (140).

Palanivel berkata, keadaan jerebu sederhana yang dialami adalah disebabkan punca dalaman berikutan kebakaran tanah dan hutan di beberapa negeri selain pelepasan da-

ripada industri, kenderaan bermotor dan aktiviti kerja tanah serta pembakaran terbuka.

Berikutan itu, beliau berkata, Perintah Larangan Pembakaran Terbuka sudah dikuatkuasakan di seluruh Negeri Sembilan, Melaka, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor.

"Berdasarkan siasatan Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga pada tahun ini hingga 12 Mac lalu, sebanyak 1,441 kes pembakaran terbuka di-kesan," katanya.

Selain itu katanya, JAS akan mengedarkan 13,000 topeng muka kepada pelajar sekolah di negeri yang terdabit jerebu.

Tujuh hari proses pembenihan awan

Kuala Lumpur: Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) melaksanakan operasi pembenihan awan kering di kawasan tadahan dan empangan yang susut di sekitar Lembah Klang selama tujuh hari bermula Selasa ini dalam usaha menurunkan hujan.

Operasi itu memberi tumpuan di kawasan terjejas teruk dengan cuaca kering dan pembakaran terbuka seperti di Petaling Jaya, Pelabuhan Klang, Sepang serta Kuala Lumpur.

Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan JMM Azhar Ishak berkata, operasi itu diteruskan minggu depan dengan kaedah pembakaran suar higroskopik yang dipasang pada sayap pesawat kecil dan terbang di bawah dasar awan.

"Kami tetap teruskan operasi pembenihan awan kering dengan menggunakan bahan higroskopik (kandungan garam kering silinder) dengan campuran 67 peratus Natrium Klorida, 21 peratus garam Kalium Klorida serta 12 peratus Magnesium Oksida.

"Kemungkinan kami lakukan dua hingga tiga kali sehari kerana menggunakan pesawat lebih kecil (Cessna) di bawah tapak awan dengan ketinggian 2,000 hingga 5,000 kaki dari paras laut.

"Operasi juga fokus di Selangor kerana faktor geografi dikelilingi kawasan berbukit-bukau yang bo-

leh menggalakkan pembenihan awan berlaku," katanya ketika dihubungi, semalam.

Azhar meramalkan, kemungkinan cuaca lembap kembali pada pertengahan Mac hingga Mei depan.

Sementara itu, Penasihat Kanan Teknikal Projek Hutan Tanah Gambut ASEAN (APFP) di bawah kendalian Pusat Alam Sekitar Global (GEC) Faizal Parish ketika dihubungi berkata, peningkatan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di beberapa kawasan terutama sekitar Lembah Klang disebabkan pembakaran hutan dan tanah gambut yang berlaku di dalam negara dan negara jiran iaitu Riau, Indonesia kebelakangan ini.

Katanya, berbanding Malaysia, kebakaran di Riau lebih kritikal berikutan kawasannya luas dengan dianggarkan 45,000 penduduknya mendapatkan rawatan di hospital sejak pertengahan Februari lalu hingga kini berikutan masalah jerebu teruk melanda negara itu.

"Kebakaran terbuka sama ada dalam dan luar negara ini sudah berlaku sejak tiga minggu lalu, namun minggu ini ia menjadi semakin tidak terkawal ditambah lagi tiada hujan selain peralihan angin timur laut ke barat dan sebaliknya.

"Tidak dinafikan perkara ini menjadi faktor IPU di Semenanjung meningkat," katanya.